



## **SHAMSUL KAMAL ABD RAHMAN**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Muzik di Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1990, Diploma Kemahiran Malaysia dalam Pengurusan Latihan Vokasional, *The Associated Board Of The Royal Schools Of Music (ABRSM) (Grade 5)*, dan *Yamaha Electone Performance Grade 8*.

Beliau mempunyai kepakaran di dalam bidang muzik terutama Drum dan Percussion dari segi latihan akademik dan vokasional, pengajaran dan pembelajaran, serta inovasi.

Beliau yang dikenali sebagai Acundrum telah melakukan beberapa penyelidikan seperti Caklempung Di Negeri Sembilan: Sejarah, Muzik dan Tradisi Persembahan, dan Inovasi Penghasilan Prototaip Alat Muzik Perkusi Baru: Gendang Pusing (Skim Geran Penyelidikan Dana Industri Kreatif 2015, Kursi P.Ramlee).

Beliau mempunyai pengalaman yang meluas dalam pekerjaan seperti pernah berkhidmat di Petronas Performing Arts Group (PPAG) selama 16 tahun, bekerja secara sambilan dengan membuat persembahan di hotel-hotel di sekitar Kuala Lumpur selama 15 tahun, dan berkhidmat sebagai Pensyarah Sambilan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau turut mempunyai pengalaman dalam bidang persembahan selama 30 tahun sebagai pemain drum yang mengiringi selebriti terkemuka tanah air seperti Anuar Zain, Ning Baizura, Dayang Nurfaizah, Datuk Sharifah Aini, Datuk Jamal Abdillah dan ramai lagi.

Selain itu, beliau juga pernah membuat persembahan bersama Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO), Orkestra Simfoni Kebangsaan, Orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM), Orkestra Tradisional Malaysia (OTM), Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Penang Symphony Orchestra.

Beliau pernah terlibat di dalam rakaman TV seperti Bintang RTM 2012, Aktif5 di RTM, Jom Heboh TV3, Tiada Baru Tiada Lama, Muzik Aktif, iMusic, Dimensi Muzik, Rentak Juara, Zoom In, Hitz 1 di RTM, dan banyak lagi.

Beliau juga pernah mengadakan persembahan di luar negara seperti di Barcelona, Vietnam, Indonesia, Korea Selatan, Singapura, Brunei, Filipina, dan Thailand.

Beliau yang pernah dilantik sebagai duta Drumstick jenama Promark USA turut dipertanggungjawabkan untuk merangka dan membentuk Syllabus Drum dan Percussion untuk ASWARA dan Malaysian Qualifications Agency (MQA).





Beliau juga dilantik untuk menjadi Panel dan Fasilitator seperti Panel Pembangun bagi National Occupational Skill Standard (NOSS) dalam bidang Rhythm Ensemble Performing – Level 2 (AC-030-2-2014) dan Rhythm Ensemble Lead Performing (AC-030-3-2014), Sijil Kemahiran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, dan Kementerian Sumber Manusia.

Beliau turut terlibat di dalam rakaman album seperti Irama Malaysia (Lagu-Lagu Rakyat Malaysia), Lagu Rakyat dan Tradisional Melayu, MJAZZ Trio (AKI Music),

Melodiemas 2 Concert – Dato Dr Ahmad Nawab (Music Valley Sdn. Bhd.), A Jazz Tribute to Malaysian Songs (ASWARA-RTM), DVD Pilihan Terbaik Orkestra RTM, dan Bintang-Bintang Bersama Orkestra RTM.

Beliau juga terlibat di dalam konsert seperti Gempak Astro, Pesta Raya 2012 – Bahasa Terindah Concert di Esplanade Singapura, RTM JAZZ Orchestra di Kuala Lumpur International Jazz Festival, Jamal Abdillah 2011 di Istana Budaya, 33th Keunggulan Francisca Peter di Istana Budaya, Jamal Abdillah Akustikasih di Stadium Tertutup Singapura, Rainforest World Music Festival di Sarawak, Diva 2 Era di RTM, Up Close and Personal with Datuk Sharifah Aini, Black Dog Bone Untukmu Ibu di Istana Budaya, Konsert Malam Kenangan Black Dog Bone di Persada Johor, Anuar Zain – Lelaki Ini di Istana Budaya, Malam Lagenda Seri Dewi bersama Datuk Sharifah Aini di Stadium Kallang Singapura, Malam Simfoni Irama Malaysia di RTM, Connie Francis – The Legend Continues di Genting Arena of Star, Anugerah Juara Lagu TV3, Konsert Simfoni Tani di Istana Budaya, Geeta Gangsa di Istana Budaya, East Meets West di Malaysian Philharmonic Orchestra, dan Siti Nurhaliza Live in Brunei di Jerudong Park Amphitheatre Brunei dan banyak lagi.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Muzik ASWARA.





## A JAZZ TRIBUTE TO MALAYSIAN SONGS

Datuk Johari Salleh | Dato Mokhzani Ismail | Salvador A. Guerzo  
Lilian Loo Shu Chin | M.Moner | Ruslan Imam  
Isabella Pek | Muriz Rose | Helen Yap

RTM **JAZZ ORCHESTRA**